

nam satu perantuman
baru antara Tunisia dengan
Libya," kata Presiden Bou-
medienne dengan marah-



● GAMBAR atas kelihatan Rosalind dan Susan (kanan) sedang berlatih main keris bersama pasangan mereka Ramimah dan Katherine di gelanggang Balai Rakyat Kampong Kembangan. — Gambar BH oleh Rawi Ahmad.

Lima pelajar Cina giat pelajari silat di balai rakyat

SENI SILAT sebagai satu cabang seni yang diakui oleh masyarakat dunia sedang giat berkembang dari fungsinya sebagai teknik melindungi diri kepada satu cabang sukan dan riadah.

Seni silat yang diperkembangkan oleh berbagai pendekar yang berlainan bangsa, mempunyai namanya yang tersendiri mengikut rumpun bangsa masing-masing.

Akan tetapi pokoknya adalah sama — iaitu untuk mempertahankan diri dari-

mengikut peringkat murid-murid itu sendiri dalam seni permainan keris, jurus, sending, dan perlawanan tanpa senjata.

Latihan dua kali seminggu pada tiap-tiap Selasa dan Rabu malam selama dua jam itu, dimulakan dan diakhiri dengan syarahan yang berupa nasihat untuk membentuk tingkah-laku yang baik.

Perkara-perkara yang diutarakan dalam syarahan 10 minit itu ialah perlunya menghormati orangtua dan sahabat handai, sifat bekerjasma, taat setia kepada guru dan kepada undang-undang negara.

Klas Silat Melayu di balai itu yang telah diadakan sejak tahun 1969, di bawah kelolaan Persatuan Rakyat, sudah

Kata Encik Sulong, ke- lima orang muridnya itu sudah mempelajari silat selama setahun.

Murid-murid itu yang tinggal sebelah-menyelelah di kawasan rumah-pangsang Chai Chee, telah tertarik dengan seni itu kerana bergaul dengan masyarakat Melayu.

Kata Dennis, seorang pelajar Sekolah Menengah Changkat Changi; "Kami sering melihat rakan-rakan kami berlatih bersilat dan gerak-geri mereka begitu menarik sekali.

"Apabila kami sendiri berlatih seni itu kami merasakannya lebih seronok lagi.

"Kami tidak mendedapati sukar mengikuti pengajarannya dalam Bahasa Melayu kerana bercakap Bahasa itu di rumah."